

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]**

**TARIKH : 13 JULAI 2020**

**SOALAN**

**PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [ TANGGA BATU ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah dasar Kementerian melantik secara kontrak doktor-doktor muda akan memberi kesan kepada peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat pakar seterusnya menjejaskan jumlah doktor pakar pada masa akan datang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Pelantikan graduan perubatan secara kontrak adalah bagi tujuan menjalani latihan siswazah dan khidmat wajib seperti mana keperluan Akta Perubatan 1971. Ini bagi membolehkan graduan perubatan mendapat pengalaman mengamal perubatan sebelum diberi kelulusan berdaftar penuh dan boleh mengamal di Malaysia. Bagi pelantikan kontrak ini, tempoh perkhidmatan yang ditetapkan adalah sehingga tiga (3) tahun bagi latihan siswazah dan dua (2) tahun bagi melengkapkan khidmat wajib. Pegawai yang memenuhi syarat dan merit yang ditetapkan boleh dipertimbangkan pelantikan tetap tertakluk kepada kekosongan jawatan dan mereka berpeluang untuk melanjutkan pengajian kepakaran.
2. Bagi memastikan negara mempunyai pakar yang mencukupi dan rakyat mendapat akses kepada perkhidmatan kepakaran, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi keutamaan dan peluang kepada

Pegawai Perubatan tetap yang sedang berkhidmat untuk melanjutkan pengajian kepakaran dan subkepakaran.

3. Pada masa ini, terdapat seramai 23,928 Pegawai Perubatan tetap yang belum mengikuti pengajian kepakaran dan jumlah tersebut disifatkan masih sesuai bagi tujuan menambah jumlah pakar yang diperlukan oleh KKM. Walaupun Pegawai Perubatan kontrak tidak layak ditawarkan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) buat masa ini, mereka masih boleh melanjutkan pengajian kepakaran menerusi pembiayaan sendiri atau penajaan luar serta melanjutkan pengajian di luar negara. Ini secara tidak langsung boleh menyumbang kepada peningkatan jumlah pakar untuk negara.

4. Sehingga 31 Mac 2020, terdapat seramai 5,322 orang Pegawai Perubatan Pakar di seluruh negara dengan peningkatan sejumlah 797 orang (15%) berbanding 4,525 orang Pegawai Perubatan Pakar pada 31 Disember 2016. Dalam jangka masa panjang, Kerajaan boleh mempertimbangkan inisiatif bagi meningkatkan penghasilan Pegawai Perubatan Pakar menerusi kerjasama dengan sektor swasta.

Sekian, terima kasih.